

Terkini
Live
Utama
Berita
Terkini
Utama
Nasional
Politik
Parlimen
Wilayah
Luar Negara
Jenayah
Mahkamah
Komuniti
Nahas & Bencana
Desktop Site
Logout

Al-Quran eBraille pertama di dunia

SHARAIMEI SHAI & AHMEDULLAH
11 Julai 2015 12:08 AM



PUTRAJAYA 10 Julai - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melakar sejarah apabila berjaya mencipta al-Quran eBraille yang pertama di dunia, khusus untuk golongan orang kurang upaya (OKU) kategori penglihatan.

Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Ronani Abdul Karim berkata, tujuan utama projek tersebut dibangunkan ialah untuk menghasilkan satu panel Braille elektronik dan perisian pengajaran Braille yang boleh diintegrasikan sebagai alat bantu mengajar yang mudah dan berkesan.

“Projek ini mendapat dana sebanyak RM2.5 juta pada dua tahun lalu oleh kementerian dan kini al-Quran eBraille menjadi pertama di dunia yang berjaya dicipta oleh penyelidik tempatan untuk kemudahan golongan OKU.

“Sebelum ini, dengan menggunakan al-Quran Braille dalam kelas konvensional pendidikan khas seorang guru hanya boleh fokus kepada seorang atau dua pelajar pada satu masa, namun dengan teknologi yang dibangunkan ini seorang guru mampu mengajar lebih daripada lima pelajar dalam satu masa,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis sinar Ramadan bersama warga kementerian dan pelancaran al-Quran eBraille di sini semalam.

Yang hadir sama Timbalan Menteri, Senator Datin Paduka Chew Mei Fun dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTM, Profesor Dr. Ahmad Fauzi Ismail.

Dalam pada itu, Rohani turut berharap penggunaan sistem elektronik itu dapat diperluas ke institusi pengajian atau latihan, selain di manfaat sepenuhnya oleh golongan OKU penglihatan dalam meningkatkan ilmu al-Quran.

“Saya juga berharap dengan adanya sistem ini, ramai pihak akan muncul untuk menghasilkan kandungan yang sesuai diintegrasikan dengan sistem ini seterusnya menjadikan sistem eBraille al-Quran mudah dimiliki oleh golongan OKU penglibatan,” katanya.

Sementara itu, Ahmad Fauzi berkata, buat masa ini sebanyak 44 al-Quran tersebut dikeluarkan dan diedarkan di empat pusat pendidikan khas untuk kemudahan golongan OKU.

“Fungsi al-Quran tersebut sama seperti sistem Braille konvensional yang diguna pakai sebelum ini, cuma kita tambahkan teknologi pada sistem tersebut yang mana mereka hanya perlu membawa satu panel yang lengkap dengan 30 juzuk al-Quran.

“Harga kos sebuah al-Quran ini dalam lingkungan RM12,000 hingga RM15,000 sebuah, namun harga ini lebih murah sebab pertama kali menggunakan teknologi seperti ini di dunia, malah berat panel ini juga berjaya dikurangkan kepada 1.5 kilogram (kg) sahaja berbanding mesin Braille seberat 10kg,” katanya.

Pada masa sama, katanya, pihaknya juga sedang berusaha untuk mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Terkini | [Live](#) | [Utama](#) | [Berita](#) | [Terkini](#) | [Utama](#) | [Nasional](#) | [Politik](#) | [Parlimen](#) | [Wilayah](#)
[Luar Negara](#) | [Jenayah](#) | [Mahkamah](#) | [Komuniti](#) | [Nahas & Bencana](#) | [Desktop Site](#)